

# Buletin

# ACIS

Syawal-Dzulkaedah 1442 / Jun 2021

## Ingin Kenal Siapa Yahudi?

Pantun  
**Perjuangan**  
ms5

Konsep  
**Al-Hurriyyah**  
Dalam Mencari  
Harta  
ms5

Jagalah **Akhlik**  
Dalam Berniaga  
Atas Talian Dan  
Berceramah  
ms7

Solidariti  
**Palestin**  
ms8



# Buletin ACIS

## SIDANG REDAKSI

### Penaung:

Prof Dr Yamin Yasin  
(Rektor)

### Penasihat:

Hisam Satari  
(Ketua Pusat Pengajian ACIS)

### Editor:

Ahmad Faiz bin Haji Ahmad Ubaidah  
Nasif Sidquee Pauzi  
Nur Sofiah binti Suhaimi

### Sidang Pengarang:

Hisam Satari  
Dr Mohamad Hasif Jaafar  
Dr Ahmad Sabri Osman  
Suhaila Sharil

### Penerbit:

Akademi Pengajian Islam Kontemporari  
UiTM Cawangan Negeri Sembilan  
Kampus Seremban  
Persiaran Seremban Tiga/1  
70300 Seremban 3,  
Negeri Sembilan

Berminat untuk menerbitkan  
artikel akademik atau apa-apa  
hasil karya?

Hantarkan ke

[faizubaiddah@uitm.edu.my](mailto:faizubaiddah@uitm.edu.my)

## Pengantar Redaksi

Assalamualaikum dan salam sejahtera kepada pembaca budiman sekalian, Alhamdulillah Buletin ACIS siri ke-32 yang mempunyai e-ISSN ini berjaya diterbitkan. Perkongsian utama bulan ini adalah "*Yahudi: Satu Pengenalan*". Selain itu, terdapat banyak lagi hasil penulisan yang menarik di dalam keluaran kali ini. Semoga Buletin ACIS ini dapat memberi manfaat kepada para pembaca dan warga UiTM semua.

Selamat membaca.

## Isi Kandungan

Ingin Kenal Siapa Yahudi? 3

Pantun Perjuangan 5

Konsep Al-Hurriyyah Dalam Mencari  
Harta 5

Jagalah Akhlak Dalam Berniaga Atas  
Talian dan Berceramah 7

Solidariti Palestin 8

## HAKCIPTA TERPELIHARA

Terbitan Buletin ACIS ini diterbitkan  
sebulan sekali



<https://www.facebook.com/ACISN9>

# Ingin Kenal Siapa YAHUDI?

Oleh: Hisam Satari

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Negeri Sembilan

Firman Allah Taala dalam surah al-Maidah ayat 82 yang bermaksud: "Sesungguhnya kamu dapat orang-orang yang paling keras permusuhan mereka terhadap orang-orang yang beriman ialah orang-orang Yahudi dan orang musyrik".

Namun demikian permusuhan tersebut bukan penghalang kepada umat Islam untuk mempelajari sejarah tentang agama Yahudi dan pandangan mereka. Inilah usaha yang dilakukan oleh alim-ulama Islam untuk mendalamai sejarah mereka bagi menolak dakwaan dan tipu daya mereka.

## Siapakah Yahudi?

Terdapat beberapa pendapat untuk mengetahui maksud Yahudi ini menurut kata asalnya seperti berikut:

"**Had**" - Berasal daripada perkataan Arab yang membawa maksud bertaubat atau kembali ke jalan yang benar.  
"Yahuza" - merujuk kepada nama anak Nabi Yaakub a.s. yang juga merupakan seorang pemimpin Bani Israel.  
"**Yahwah**" - Dinisbahkan kepada tuhan Bani Israel sebagai gaimana yang terkandung di dalam Taurat.

## Siapakah Bani Israel?

Mereka merupakan penganut agama Yahudi daripada keturunan Nabi Yaakub a.s. Israel berasal daripada dua kalimah iaitu "Isra" bermaksud hamba dan "iel" yang bermaksud tuhan. Dalam kitab suci mereka (Taurat) diceritakan bagaimana Tuhan telah memberikan nama Israel kepada Nabi Yaakub setelah baginda berjaya mengalahkan Tuhan di dalam satu pergelutan yang sengit. Al-Quran juga menyebut Nabi Yaakub a.s sebagai Israel tetapi mensifatkan sebagai Nabi yang dipilih dan diberi petunjuk.

**Firman Allah Taala yang bermaksud**  
*"Mereka itulah sebahagian dari Nabi-nabi yang telah dikurniakan Allah nikmat yang melimpah-limpah dari keturunan Nabi Adam dan dari keturunan orang-orang yang kami bawa (dalam bahtera) bersama-sama Nabi Nuh dan keturunan Nabi Ibrahim dan (dari keturunan) Nabi Israel (Yaakub) dan mereka itu adalah dari orang-orang yang kami beri hidayah petunjuk dan kami pilih"*  
(Surah Maryam: 58).

## Sejarah Bani Israel

Agama Yahudi adalah agama samawi yang paling lama wujud di atas muka bumi ini. Sejarah kemunculannya (sebagaimana yang didakwa dalam kitab suci mereka) dikaitkan dengan kelahiran Nabi Ibrahim a.s yang diutuskan kepada kaum Ibri

di antara tahun 1850 dan 2000 Sebelum Masihi. Nabi Ibrahim a.s yang membawa agama itu kemudiannya telah memilih di antara keturunannya untuk membawa risalah tersebut sehingga ke Bani Israel yang mempunyai 12 keturunan, antaranya keturunan Nabi Yusuf a.s.

Keluarga Nabi Yaakub a.s yang telah lama menetap di Palestin (Kan'an) akhirnya berhijrah ke Mesir setelah dijemput oleh anaknya Nabi Yusuf a.s yang merupakan menteri di sana (tahun 1480 S.M.). Setelah beberapa kurun di Mesir, Bani Israel akhirnya menerima tekanan yang hebat daripada Raja Mesir (Firaun). Pada ketika itulah Allah SWT telah mengutuskan Nabi Musa a.s untuk mengeluarkan Bani Israel dari bumi Mesir menuju ke Palestin, iaitu tanah asal mereka (1299 S.M.).

Mereka kemudiannya telah menubuhkan sebuah kerajaan Israel di Palestin. Kejayaan mereka itu akhirnya diikuti dengan zaman perbalahan antara mereka dan penyelewengan agama. Bani Israel dahulunya menerima agama tauhid Nabi Musa a.s, kemudian murtad dan menyembah berhala. Bermula dari sinilah bangsa Yahudi telah menyaksikan kejadian murtad yang berulang-ulang di dalam sejarah mereka.

## Rentetan Peristiwa-Peristiwa Penting Dalam Sejarah Yahudi

**Tahun 921 SM:** Telah berlaku satu pemberontakan yang membahagikan bangsa Yahudi kepada 2 kerajaan, kerajaan Israel yang berpusat di Samerah dan kerajaan Yahuza yang berpusat di Jerusalem.

**Tahun 721 SM:** Kerajaan Israel telah diserang dan dimusnahkan oleh Sarjun pemerintah Asyura.

Tahun 586 SM:

Pemerintah Babylon telah menyerang kerajaan Yahuza dan Jurusalem dan membawa pulang tawanan Bani Israel seramai 50000 orang. Penawanannya tersebut telah membuka peluang kepada orang Yahudi mempelajari kemajuan dan tamadun Babylon.

**Tahun 538 SM:** Babylon telah ditewaskan oleh Parsi dan bangsa Yahudi dibenarkan pulang ke Palestin.

Tahun 64 SM: Kerajaan Rom telah menakluk Palestin di bawah pimpinan Bombius. Penaklukan tersebut memberi kesan kepada agama Yahudi apabila mereka mula menerima fahaman falsafah Yunani yang bertentangan dengan konsep tauhid.

**Tahun 70 SM:** Orang Yahudi cuba memberontak apabila pemerintah Rom mengenakan tekanan yang hebat ke atas mereka. Percubaan mereka gagal setelah ditumpaskan oleh Raja Titus. Tahun 130 M: Pemberontakan kali kedua Bani Israel yang akhirnya dikalahkan oleh Handrian dan kemudiannya memusnahkan Jerusalem dan membunuh sebilangan besar bani Israel yang ada pada ketika itu.

**Tahun 313 M:** Agama Kristian menjadi agama rasmi kerajaan Rom. Permusuhan antara kedua agama tersebut menjadikan bangsa Yahudi dalam keadaan tertekan.

**Abad yang ke 10:** Zaman Islam mencapai kemuncak kegemilangannya. Sikap terbuka dan toleransi umat Islam memberi ruang kepada Yahudi bergerak bebas dan mengutip kemajuan umat Islam. Dekad ini di anggap Yahudi sebagai zaman keemasan bagi intelektual Yahudi sehingga banyak buku-buku agama Yahudi yang dikarang untuk mengikut *manhaj* ulama' Islam yang mengimbangkan antara agama dan falsafah. Antara buku masyhur ialah *Dilalah al-Haereen* karangan Musa Maimun yang menuruti *manhaj* Muktazilah.

**Zaman Peperangan Salib:** Orang Eropah yang kebanyakannya menganut agama Kristian menekan dan meneksa bangsa Yahudi. Mereka dihalau dan lebih dahsyat lagi disembelih secara beramai-ramai oleh golongan ini. Hal ini berlarutan sehingga orang Yahudi mengasaskan gerakan Zionis dan melancarkan perancangan untuk menjajah dunia menerusi fahaman sekular.

## **Kitab-kitab Suci Yahudi**

Kitab-kitab suci Yahudi terbahagi kepada 2 kitab iaitu kitab lama (Old Testament) dan Talmud. Kitab lama (Old Testament) turut dikenali sebagai Tanakh. Kitab ini terbahagi kepada tiga iaitu Kitab Taurat, Kitab Anbiya' dan Al-Kutub.

**Taurat:** Dalam Bahasa Ibrani bermaksud petunjuk. Sebahagian besar dari Taurat dikarang pada kurun ke-9 dan 7 sebelum Masihi dan dihimpun oleh ulama' Yahudi selepas dibebaskan daripada tahanan Babylon. Kitab ini terbahagi kepada lima bahagian iaitu kitab Takwin, kitab Khuruj, kitab Tathniyah, kitab Lewin dan kitab A'dad. Kandungan kitab ini banyak membicarakan tentang kejadian alam, sejarah Yahudi, kisah Nabi Ibrahim dan keturunannya sehingga penghijrahan Nabi Musa a.s dari Mesir dan kisah kemunculan Bani Israel.

**Kitab Anbiya':** Kitab ini mengandungi 21 kitab yang banyak menceritakan kisah nabi-nabi Bani Israel selepas Nabi Musa a.s.

**Kitab Al-Kutub:** Kitab ini banyak menceritakan kisah nabi-nabi mereka.

Kitab Yahudi bahagian kedua pula adalah Talmud. Talmud bermaksud pengajaran yang merupakan kitab dikarang oleh ulama-ulama Yahudi (10-219 M) yang mendakwa ianya merupakan pengajaran lisan Nabi Musa a.s yang sempat diriwayatkan dari rahib-rahib mereka. Talmud lebih banyak menekankan hal-hal yang berkaitan dengan aqidah dan syariat agama Yahudi yang tidak dinyatakan dengan jelas dalam kitab lama (Bahagian pertama).



Secara amnya, kitab-kitab suci Yahudi yang wujud hari ini adalah kitab yang telah diseleweng dan bukan kitab asal yang diturunkan oleh Allah SWT kepada Nabi Musa a.s. Hal ini ditegaskan oleh Allah SWT dalam Surah al-Nisaa: 46 yang bermaksud

*"iaitu orang-orang Yahudi, mereka merubah perkataan dari tempat-tempatnya".*

Penyelewengan ini juga jelas dapat dilihat dari penghinaan mereka kepada nabi-nabi Allah SWT yang disebut di dalam Taurat. Antara dakwaan mereka ialah Nabi Harun a.s menyeru umatnya supaya menyembah berhala dan banyak lagi kisah-kisah yang tidak layak bagi seorang nabi Allah.

## **AQIDAH DAN SYARAT YAHUDI**

Perpecahan yang hebat dalam kalangan Yahudi telah menghasilkan banyak perselisihan pendapat di dalam menentukan aqidah dan syariat mereka. Hal ini disebabkan oleh penerimaan mereka terhadap kebudayaan dan thaqaqah asing yang dicampur adukkan ke dalam agama mereka.

Antara asas penting di dalam aqidah Yahudi ialah mengesakan tuhan, tuhan untuk Bani Israel, kembali ke tanah suci (al-Quds) dan berkhatan. Huraian lanjut adalah seperti berikut:

### **1.Aqidah Mengesakan Tuhan**

Seorang Yahudi yang sejati akan beriman kepada Tuhan yang esa sebagaimana yang telah diperintahkan oleh Tuhan kepada Nabi Ibrahim a.s dan Nabi Musa a.s di dalam Taurat. Namun begitu, sikap mereka yang berbentuk material telah menyebabkan mereka menggambarkan sifat-sifat Tuhan dengan sifat-sifat yang boleh dilihat dengan mata kasar seperti manusia dan patung.

### **2.Aqidah Tuhan Untuk Bani Israel**

Bani Israel beriman bahawa mereka adalah bangsa yang terpilih khas oleh Tuhan untuk membawa agama Yahudi dan menyebarkan keamanan di muka bumi.

### **3.Aqidah Kembali Ke Tanah suci (al-Quds)**

Mereka percaya Tuhan telah menjanjikan kepada mereka dapat kembali ke tanah suci mereka setelah dihalau dan ditekan.



### **4.Aqidah Khatan**

Kitab Taurat telah menyebut perintah tuhan kepada bangsa Yahudi supaya berkhatan pada hari ke lapan selepas kelahiran sebagai tanda kemasukannya ke dalam agama Yahudi.

Agama Yahudi memberikan ruang ijtihad yang luas kepada ulamanya di dalam menentukan bentuk syariat dan mentakwilkan nas-nas Taurat. Syariat Nabi Musa a.s sering diubah dan disesuaikan mengikut keadaan mereka serta perubahan zaman. Perkembangan syariat ini juga sering dikaitkan dengan kemasukan unsur-unsur asing dalam aqidah Yahudi.

## **Penutup**

Satu perkara yang dapat kita renungi ialah walaupun mereka telah mengubah kitab suci mereka dan disesuaikan dengan peredaran zaman, tuntutan mereka didasari dogma dan cerita yang diolah oleh pendeta-pendeta tanpa dasar yang kukuh, kehendak mereka disebabkan rasa dendam dan kemarahan yang berpanjangan, tetapi mereka berpegang kepada kesepadan agama ciptaan mereka dan politik di mana ia tidak boleh dipisahkan. Inilah yang menjadikan mereka bersatu dan merancang secara teratur untuk menguasai dunia. Dalam Islam walaupun telah dijelaskan di dalam al-Quran dan as-Sunnah bahawa agama dan pengurusan tidak boleh dipisahkan, tetapi ramai yang membiarkan urusan politik dikuasai oleh mereka yang tidak faham tentang agama Islam yang syumul.

## **Rujukan**

- Profesor Dr Saad al-Hamrani, 1993, *Minal al-Yahud ila al-Suhyuniah, Dar al-Nafais Beirut.*
- Dr Irfan Abdul Hamid Fattah, *al-Yahudiah Arad Tarikhi Am, Jamiat al-Bait*
- Dr Ali Abdul Wahid Wafi, *Al-Yahudiah wa al-Yahud*, Dar Nahdah Misr Qaherah.
- Muhammad Nuri al-Amin Endut, 1995, *Yahudi Satu Pengenalan, Seminar Perbandingan Agama. PMRAM*

# Pantun PERJUANGAN

Nukilan: **Suhaila Sharil**

Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Negeri Sembilan

Perjuangan adalah satu usaha,  
Pengorbanan memerlukan pelbagai matlamat,  
Daya fikir mestilah dirangka,  
Adanya pengetahuan kerjasama masyarakat.

Mampu merancang mengurus sasaran,  
Memantau kemajuan pelan tindakan,  
Perancangan strategik mewujudkan penyelesaian,  
Mobilisasi ahli jadi contoh tauladan.

Serlahkan budaya amal jamaie,  
Wujudkan komunikasi dalam kalangan ahli,  
Hayati prinsip syura tarbawi,  
Berpandangan kritis dalam organisasi.

Pemimpin perlu menjiwai rakyat,  
Agar tanggung jawab dapat dilaksana,  
Amalkan SOP langkah selamat,  
Elakkan 3S sayangi Malaysia.



## Konsep Al-Hurriyyah Dalam Mencari Harta

Oleh: **Dr. Mohamad Hasif Bin Jaafar** (Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Negeri Sembilan) & **Nurul Atikah Binti Poniran** (Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Negeri Sembilan)

*Al-hurriyyah* merupakan perkataan Bahasa Arab yang bermaksud ‘bebas’. Islam mengiktiraf kebebasan individu dengan mengambil kira beberapa perkara iaitu tidak mengganggu kepentingan orang lain ataupun kepentingan awam, tidak mengganggu kepentingan organisasi dan hendaklah kebebasan tersebut mengikut syariat Islam. Jika kebebasan tersebut bercanggah dengan nilai dan prinsip agama Islam, maka ianya akan terbatal secara automatik.

Firman Allah SWT daripada surah Yunus ayat 99 yang bermaksud:

*“Dan jika lau Tuhanmu menghendaki, tentulah beriman semua orang yang di muka bumi seluruhnya. Maka apakah kamu (hendak) memaksa manusia supaya mereka menjadi orang-orang yang beriman semuanya?”*

Berdasarkan petikan ayat di atas, jelas menunjukkan bahawa Allah Taala telah memberikan kebebasan kepada

hamba-Nya sebagai penghargaan Islam terhadap hak yang dimiliki oleh seseorang manusia.

### Harta Menurut Pandangan Al-Quran

Harta dalam bahasa arab ialah ‘al-mal’ iaitu sesuatu yang dimiliki oleh seseorang individu atau kumpulan manusia seperti barang berharga, barang perniagaan, aset, wang ataupun haiwan. Perkataan yang berkaitan ‘al-mal’ banyak disebut di dalam Al-Quran antaranya di dalam surah Al-Baqarah ayat 284 yang bermaksud “Segala yang ada di langit dan yang ada di bumi adalah kepunyaan Allah” dan Surah Al-Taghabun ayat 15 yang bermaksud: “Sesungguhnya harta benda kamu dan anak-anak kamu itu hanyalah menjadi ujian, dan di sisi Allah jualah pahala yang besar.”

Berdasarkan dua maksud ayat di atas, dapatlah dirumuskan bahawa harta adalah hak mutlak Allah Taala. Manusia hanyalah sebagai pemegang amanah untuk menggunakan ke jalan yang diredayai Allah. Sebagai seorang Muslim kita mestilah menggunakan harta dengan sebaik mungkin dan mesti mengikuti peraturan yang telah ditetapkan oleh syarak supaya harta yang diperoleh diberkati

oleh Allah Taala.

Daripada kaca mata Islam, telah digariskan panduan-panduan penggunaan harta dan mengembangkan harta supaya manusia dapat membangun dan membina kehidupan dengan bahagia dan harmoni sekaligus memberikan manfaat kepada orang lain. Allah Taala telah memerintahkan kepada hamba-Nya untuk mendapatkan rezeki daripada sumber yang halal dengan menjauhi perkara-perkara yang diharamkan kerana ia boleh membawa pada kerosakan dan menjelaskan ketaatan kepada Allah Yang Maha Esa. Firman Allah SWT di dalam Surah Al-Baqarah ayat 168 yang bermaksud

*"Hai manusia! Makanlah sebahagian dari makanan yang ada di bumi ini, yang halal dan baik. Dan janganlah kamu turuti jejak langkah syaitan, sesungguhnya syaitan itu adalah musuh kamu yang nyata."*

Setiap individu disarankan untuk memiliki harta tetapi ianya harus sesuai dengan ketentuan syariat, seperti harta tersebut dapat memberi manfaat kepada orang lain. Pada saat ini, kepentingan pencarian harta yang halal dalam kalangan muslim sudah mulai pudar dari apa yang telah diajarkan di sekolah mahupun di rumah di mana manusia sekarang lebih mementingkan kepentingan peribadinya berbanding kemaslahatan sejagat.

#### Situasi Al-Hurriyyah Dalam Mencari Harta

Terdapat seorang individu yang bekerja di sebuah kilang yang mengeluarkan botol kaca secara umumnya. 60% pelanggan yang membeli botol kaca tersebut adalah daripada syarikat pengeluar arak dan baki 40% yang membeli adalah dari syarikat pengeluar makanan. Namun, individu tersebut berasa musykil dengan pendapatan yang perolehi dan hukum dia bekerja di kilang tersebut.

**Hadith yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik RA berkaitan arak daripada hadis Rasulullah SAW tentang 10 golongan yang dilaknat Allah Taala menunjukkan betapa jelasnya mengapa kita mesti menjauhkan diri dengan amalan meminum arak serta industri pembuatannya.**



Imam al-Suyuti ada menjelaskan huriaian daripada Syeikh Abu Hamid al-Isfirayini tentang perkara yang tidak diketahui atau ditentukan sumber asalnya, iaitu jika melakukan transaksi dengan seseorang individu yang tidak diketahui aset atau hartanya, adakah bersumber yang baik atau pun yang sebaliknya, maka transaksi yang dilakukan adalah

tidak haram kerana tidak dapat dipastikan kesahihan sumbernya. Tetapi, sebaiknya ditinggalkan atau dijauhkan kerana ia boleh terjatuh kepada hukum haram.

Oleh hal yang demikian, berdasarkan situasi yang telah dikemukakan di atas, botol kaca yang telah dihasilkan oleh individu tersebut tidak dapat ditentukan sama ada ia digunakan untuk minuman arak atau untuk produk makanan. Selain itu, gaji atau pendapatan yang dia telah terima juga tidak dapat ditentukan sama ada dari sumber penjualan yang mana satu. Jadi, hukum dia bekerja di kilang pembuatan kaca tersebut ialah harus.

Menurut mantan mufti kerajaan Jordan, Syeikh Nuh Ali Salman, kebanyakan sumber harta manusia adalah bercampur antara sumber yang halal dan sumber yang haram. Tambahan lagi, Majelis Ulama' Indonesia (MUI) mengemukakan hukum yang sama berkaitan dengan isu ini, di mana pada asasnya seseorang individu itu dibolehkan untuk bekerja di penghasilan botol yang umum iaitu bukan yang dikhususkan untuk penghasilan botol arak.



#### Penutup

Jika seseorang pernah berkata, "Kenapa susah-susah cari harta halal sedangkan kita boleh dapat lebih banyak duit dengan cara yang haram?", ketahuilah pemikiran tersebut telah tercemar. Mereka beranggapan mencari harta halal itu adalah sukar dan mereka lebih suka mendapat kekayaan dengan cara pantas.

Mereka tidak peduli untuk melanggar hukum syarak walaupun mereka mengaku yang dirinya adalah seorang muslim. Demi memuaskan nafsu ketamakan mereka dalam mengejar kekayaan dunia yang mewah, mereka terlupa akan alam akhirat yang abadi. Pada pendapat mereka, tidak mengapa mereka berbuat demikian pada masa kini kerana mereka sentiasa berfikir bahawa mereka masih mempunyai kesempatan untuk bertaubat sebelum mati. Akan tetapi, rahsia kematian adalah rahsia Allah SWT. Maka, kita harus mempersiapkan diri dari awal lagi agar hidup sentiasa diberkati oleh-Nya.

Umumnya, terdapat banyak cara dalam usaha mencari harta yang halal mahupun haram. Persoalannya, adakah kita akan memilih jalan pencarian harta secara haram demi mengejar kekayaan di dunia? Ataupun kita mengikut suruhan Allah SWT dengan mencari harta yang halal walaupun menitiskan peluh keringat sehari-hari? Kesemua persoalan tersebut hanya mampu dijawab oleh diri kita sendiri.

# Jagalah Akhlak Dalam Berniaga Atas Talian dan Berceramah

Oleh: Dr Ahmad Sabri Osman

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Shah Alam, Selangor

Di antara nikmat kurniaan Allah SWT kepada kita pada hari ini (sama ada disedari atau tidak) ialah nikmat bercakap dan menulis di media sosial. Nikmat ini jika digunakan sebaik mungkin akan memberikan kebaikan kepada kehidupan kita di dunia dan ganjaran pahala di akhirat nanti. Jika kita seorang peniaga, kita mampu mempromosikan barang jualan kita tanpa sekatan, jika kita seorang penceramah, kita mampu melontarkan idea dengan sekehendak hati kita. Namun sebaliknya, jika ia digunakan ke arah keburukan atau kejahatan, ia akan menatihahkan keputusan yang sebaliknya, iaitu keburukan kepada kehidupan kita di dunia dan dosa yang akan kita pikul dan tanggung di akhirat nanti.

Perniagaan dalam talian begitu rancak lebih-lebih lagi dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Dalam keghairahan mempromosikan barang perniagaan dalam talian, terdapat segelintir peniaga yang begitu ghairah bercakap ‘ikut sedap mulut’ sehingga melanggar adab dan akhlak lebih-lebih lagi sebagai peniaga Muslim atau Muslimah. Dalam hal ini umpamanya, peniaga tanpa segan silu bercakap lucah atau separa lucah kerana terlalu melayan komen netizen. Perbuatan ini pada pandangan penulis akan menjatuhkan maruah peniaga tersebut khususnya golongan wanita.

Di antara kewajiban umat Islam ialah beriman dengan hari akhirat, hari di mana pembalasan ke atas amal kita dilakukan. Takutlah kita apabila Allah SWT berfirman yang bermaksud:

*“Patutkah mereka menyangka bahawa Kami tidak mendengar apa yang mereka sembunyikan di dalam hati dan apa yang mereka perkatakan dengan berbisik sesama sendiri? Bukan sebagaimana yang mereka sangka bahkan utusan-utusan Kami (malaikat yang menjaga mereka) ada menulis segala yang mereka lakukan” (Surah al-Zukhruf: 80).*

Selanjutnya, maksud yang lebih kurang sama dengan ayat di atas, Allah SWT menegaskan:

*“Semasa dua malaikat yang mengawal dan menjaganya menerima dan menulis segala perkataan dan perbuatannya; yang satu duduk di sebelah kanannya dan yang satu lagi di sebelah kirinya. Tidak ada suatu perkataan yang diucapkannya melainkan ada di sisinya malaikat pengawas yang selalu siap (mencatat)” (Surah Qaf: 17-18).*



Oleh yang demikian, apa sahaja ucapan dan tutur kata kita di dunia ini akan dicatat oleh malaikat Raqib dan ‘Atid ataupun *Kiraman Katibin* sebagaimana maksud firmanNya: “*Padahal sesungguhnya ada malaikat-malaikat yang menjaga dan mengawas. Mereka adalah makhluk yang mulia di sisi Allah yang ditugaskan menulis amal-amal kamu. Mereka mengetahui apa yang kamu lakukan*” (Surah al-Infitar: 10-12). Selanjutnya, Allah SWT berfirman maksudnya: “*dan apabila lembaran-lembaran (catatan amal) telah dibuka seluas-luasnya*” (Surah al-Takwir: 10). Kita hanya mampu melihat catatan amal sama ada perkataan atau perbuatan tanpa mempersoalkan bilakah dan di manakah amalan tersebut dilakukan kerana mulut kita terkunci serapat-rapatnya. Firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Pada hari itu, Kami meteraikan mulut mereka dan (memberi peluang kepada) tangan-tangan mereka memberitahu Kami (kesalahan masing-masing), dan kaki mereka pula menjadi saksi tentang apa yang mereka telah usahakan”*  
*(Surah Yasin: 65).*

Begitu juga golongan agamawan, dengan kebebasan bersuara yang dinikmati, mereka boleh bercakap apa sahaja tetapi harus diingat, setiap perkataan akan dicatat dan dihisab di akhirat nanti. Awasilah perkataan agar terselamat daripada hukuman di dunia lebih-lebih lagi di sana nanti khususnya dalam isu vaksin. Menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang), Datuk Seri Takiyuddin Hassan, tindakan undang-undang boleh diambil ke atas golongan antivaksin yang dikesan cuba menghasut orang ramai daripada menerima suntikan vaksin COVID-19. Golongan terbabit boleh dikenakan tindakan mengikut peruntukan undang-undang sedia ada di bawah Akta Hasutan 1948. Menurut beliau lagi, selain Akta Hasutan, kerajaan juga boleh mengambil tindakan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan undang-undang di bawah Ordinan Darurat 2021 tanpa perlu menggubal undang-undang baru (Berita Harian Online, 30 Mei 2021).

Yang Berhormat Menteri turut mengingatkan masyarakat supaya tidak menyebarkan maklumat berbentuk provokasi berhubung pandemik COVID-19. Rakyat seharusnya berganding bahu bersama-sama kerajaan dalam menghadapi pandemik COVID-19 dengan tidak menimbulkan suasana tidak tenang dengan menyebarkan pelbagai maklumat palsu yang boleh menjasaskan keamanan. Beliau amat berharap agar rakyat dapat mematuhi nasihat kerajaan dan sekiranya ada yang masih ingkar, pihak berkuasa boleh mengambil tindakan sewajarnya sebagai pilihan terakhir jika keadaan tidak terkawal.

Sehubungan itu, Datuk Seri Takiyuddin yang juga merupakan Ahli Parlimen Kota Bharu berkata, belum ada keputusan dibuat berhubung cadangan mengenakan kompaun ke atas individu yang gagal hadir janji temu suntikan vaksin COVID-19 di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) sebagaimana dibincangkan oleh Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Vaksin COVID-19 (JKJAV) serta Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF).

Sehingga kini, rakyat Malaysia berasib baik kerana kerajaan masih berpegang kepada dasar vaksinasi berbentuk

suntikan percuma dan diambil secara sukarela walaupun kerajaan berduakacita kerana ramai penduduk gagal hadir janji temu termasuk di Kelantan. Menurut beliau, kerajaan tidak mahu berlaku pembaziran dos vaksin dan sedang memikirkan kaedah tertentu supaya mereka yang tidak hadir dapat digantikan dengan orang lain.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba dilaporkan berkata, langkah mengenakan penalti terbabit dan mewajibkan pengambilan vaksin COVID-19, dilihat hanya boleh diambil selepas pendekatan sukarela atau usaha pendaftaran menerusi pelbagai saluran termasuk aplikasi MySejahtera dan secara bersemuka dilaksanakan sepenuhnya. Justeru, penulis menyeru seluruh rakyat Malaysia agar tidak mensia-siakan peluang untuk mengambil suntikan vaksin secara percuma. Harus diingat bahawa kerajaan telah membelanjakan berbilion ringgit demi kesihatan dan kesejahteraan rakyat Malaysia. Keputusan melaksanakan program Imunisasi Kebangsaan ini telah diperhalusi sedalam-dalamnya oleh pihak berwajib kerana tuntutan atau maslahah menjaga nyawa rakyat Malaysia menduduki tangga kedua selepas menjaga agama. Wallahu a'lam.

# Solidariti Palestin

Nukilan: Suhaila Sharil

Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari,  
UiTM Cawangan Negeri Sembilan

**Palestin,**

**Namamu meniti di bibir,**

**Dihuni manusia yang berpegang dengan panji,**

**Tidak pernah kesal walau sesekali,**

**Berani bertempur dengan tidak sekelumit rasa takut,**

**Demi mempertahankan Baitul Maqdis,**

**Dan memperjuangkan hak manusawi.**

**Baitul Maqdis,**

**Kota suci tiga agama Samawi,**

**Islam, Judaisme dan Kristian,**

**Menjadi konflik berdekad lamanya,**

**Menjadi pusat sekalian nabi sejak zaman Nabi Ibrahim,**

**Barakna fiha, Barakna hawlahu,**

**Itulah keberkatan yang ditunjukkan di dalam Al-Quran.**

**Bangsa Kan'an,**

**Berhijrah dari Semenanjung Tanah Arab,**

**Sekitar 4500 tahun dahulu,**

**Di waktu itu...**

**Palestin dikenali dengan tanah Kan'an**

**Walau bercampur dengan Bangsa Timur Laut Mediterranean**

**Balsat,**

**Namun..**

**Rakyat Palestin di Silwan,**

**Tidak pernah putus asa,**

**Walau dihalau Zionis Yahudi,**

**dari menghuni rumah pusaka.**

**8 Mei 2021,**

**Zionis Yahudi melancar serangan,**

**Kuasa Allah Yang Maha Tahu,**

**11 hari selepas itu,**

**Gencatan senjata diumumkan,**

**Ayuh! Rakyat Malaysia,**

**Kibarkan bendera anda!**

**Korbankan semangat, jiwa dan harta,**

**Demi memperjuangkan hak Palestin bumi tercinta.**